

Perlumbaan Powerboat F2 Piala Dunia Sabah 2008, 13-14 Disember



Jentera-jentera berkuasa tinggi yang memecut dari sifar ke 60 batu sejam sambil meluncur di Laut China Selatan - halangan menarik untuk disaksikan peminat sukan lumba pada Perlumbaan Powerboat F2 Piala Dunia Sabah 2008. Tahun lalu, Kota Kinabalu dipilih sebagai salah satu dari empat bandaraya di dunia untuk menjadi tuan rumah kejohanan sukan berprestij ini, yang termasuklah Villa Real de Santo Antonio di Portugal, Riga di Latvia dan Jeddah di Arab Saudi.

Tahun ini, Sabah dengan bangganya sekali lagi menjadi tuan rumah perlumbaan bertaraf dunia ini. Pasukan-pasukan Piala Dunia F2 dari UAE, Belanda, Norway, Perancis, Qatar, United Kingdom, Finland, Itali, Jerman, Amerika, Kuwait, Sweden, Portugal dan Latvia akan berentap untuk merebut kejuaraan.

Tahun lalu, lebih 10,000 orang menyertai kemeriahannya yang berlangsung di Waterfront Kota Kinabalu. Tidak seperti bot laju berkuasa tinggi yang biasa, bot-bot Formula 2 mampu berpusing hampir serta merta mengerah lebih kuasa G berbanding dengan jentera perlumbaan lain di planet ini! Ini disebabkan reka bentuk khasnya.

Bot-bot F2 juga boleh mencapai kelajuan sehingga 200km/sejam - Pasti mendebarkan! Bersempena dengan perlumbaan ini, satu karnival juga disediakan untuk menghiburkan pengunjung baik yang tua atau yang muda. Kunjungilah gerai-gerai makanan dan minuman dan pameran menarik yang lain. Bersediakan anda menghadapi kesibukan ini?

Siri Piala Dunia F2 diiktiraf di bawah badan penguatkuasa dalam sukan air bermotor, Union Internationale Mononautique (UIM).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Powersport Events Sdn. Bhd di talian 088-261611, faks 088-242487 atau layari laman web di www.powersportevents.com.my

Jelajah Malaysia Timur Orkestra Remaja Filharmonik Malaysia (MPYO), 15 Disember



Pencinta muzik di Sabah bakal merasai kemeriahan suasana Krismas bulan ini apabila Orkestra Remaja Filharmonik Malaysia (MPYO) tiba di perairan kita. Orkestra yang terdiri daripada 110 anggota ini akan dipimpin oleh konduktor utamanya iaitu Kevin Field, apabila mereka mengadakan persembahan di Auditorium Tun Raffae, Menara Tun Mustapha, Yayasan Sabah di Kota Kinabalu.

Persembahan mereka di Kota Kinabalu merupakan sebahagian daripada jelajah mereka di Malaysia Timur, dengan Kuching, Sarawak sebagai tempat pertama mereka sebelum membuat persembahan di Sabah. Orkestra termuda Malaysia ini, terdiri daripada pemuzik muda dari seluruh Malaysia yang berusia antara 13 hingga 33 tahun. Ditubuhkan pada 13 Januari 2006, MPYO dibentuk untuk menyediakan pentas buat pemuzik-pemuzik muda mempamerkan bakat dan menggalakkan minat mereka dalam menghargai semua genre muzik simfoni.

Di bawah bimbingan Kevin Field, setiap bahagian daripada MPYO menerima latihan profesional daripada pemuzik-pemuzik Orkestra Filharmonik Malaysia (MPO) dan setiap anggota MPYO turut berpeluang untuk menyertai perhimpunan dan bengkel ensemble muzik chamber semasa khemah muzik yang diadakan setiap suku tahun. Bulan ini, biarkan mereka memukau anda apabila mereka mempersembahkan pelbagai lagu klasik kegemaran klasik termasuklah Overture: Roman Carnival (Op.9) oleh Berlioz, Cello Concerto in B Minor (Op.104) oleh Dvorak and Symphony No.2 in C Minor (Op. 17) – 'Little Russian' oleh Tchaikovsky. Bekerjasama dengan mereka ialah pemain celo MPO Tan Poh Joo.

Jualat harga tiket antara RM30.00 hingga RM100.00. Konsert bermula 8:00 malam. Turut diadakan ialah persembahan sebelah siang untuk pelajar pada pukul 2:00 petang, 15 Disember dan tiket berharga RM15.00. Tiket-tiket boleh dibeli di kaunter maklumat Lembaga Pelancongan Sabah atau Sri Pelancongan Sabah Sdn. Bhd. Untuk maklumat lanjut, hubungi Susan Shahira di talian 088-232121 atau e-mel shahira@sabahtourism.com.

Untuk maklumat lanjut berkenaan aktiviti MPYO, hubungi Audrey Ho Lin di talian 03-20515673 atau kunjungi www.mpyo.com.my



CRES MOMENT

NO.1 TREATMENT SPA · IN MALAYSIA

RM48.00 nett

FOOT REFLEXOLOGY OR BODY SHIATSU
フットリフレクソロジー OR 指圧背中マッサージ
발 마사지 OR 시앓수 등마사지

Lot No A-G-08, Block A, Ground Floor, Warisan Square, Jln Tun Fuad Stephens, 88000 Kota Kinabalu, Sabah | Tel • 088 447 833 | Business Hour • 10am - 10pm (Daily)

KL • Bangsar • Bukit Timah Square • Jooze Kajang • Melia Prima Kajang • SELANGOR • AEON Cheras Selatan • Bukit Tinggi (Klang) • USJ • SEREMBAN • Jooze Seremban 2 • MALACCA • Jooze Ayer Keroh • JB • Johor Jaya